



TALKING POINT
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH, PRESIDEN ANGKASA
MERANGKAP PRESIDEN ASEAN CO-
OPERATIVES ORGANIZATION (ACO)

**KURSUS KEPIMPINAN
DAN PENGURUSAN ANGKASA
NEGERI (ZON 3)**

**26 FEBUARI 2022 (SABTU), ZOOM
MEETING**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi
ta'ala wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam Keluarga
ANGKASA

Terima Kasih Pengacara Majlis

**YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Hj.
Abdul Rahman Abdul Razak Shaik,**
Timbalan Presiden ANGKASA

YBhg. Barisan Anggota Lembaga
ANGKASA:

❖ **Datuk Hj. Mohamad Ali Hasan**

- ❖ **Dato Hj. Kamaruddin Ismail**
- ❖ **Dr. Hj. Mohd Azlan Yahya**
- ❖ **Dato' Hj. Che Mohd. Shukree**
Che Isa

YBhg. Barisan Pengerusi-Pengerusi
Negeri

- ❖ **Datuk Hj. Abdul Razak Hussain,
Pengerusi JPAN Wilayah
Persekutuan**
- ❖ **Encik Wan Mohamad Zain Wan
Abdullah, Pengerusi JPAN
Kelantan**
- ❖ **Dr. Zhamriee Gulam Rasul,
Pengerusi JPAN Sabah**

❖ **Encik Wan Azizan Wan Zainal
Abidin, Pengerusi JPAN Sarawak**

YBhg. Dato' Hj. Abdullah Hj. Jusoh
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
Merangkap Ketua Pegawai Operasi
ANGKASA

YBrs. Encik Hasnan Hj. Mustapha
Setiausaha Eksekutif ANGKASA

YBrs. Tuan Hj. Anuar Bulin
Pengurus Besar
Bahagian Sekretariat

Barisan Pengurus-Pengurus Besar

ANGKASA

**Dato'-Dato'/tuan-tuan/puan-puan
dan hadirin yang dihormati sekalian.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita

bersama-sama menghadiri Kursus Kepimpinan dan Pengurusan yang diadakan khusus untuk memperkemaskan pengurusan dan pentadbiran di peringkat ANGKASA Negeri.

2. Saya merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua Pengerusi Negeri, Anggota-Anggota Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri dan pegawai-pegawai ANGKASA negeri yang telah memberi komitmen padu untuk hadir menjayakan kursus ini.

3. Saya juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada Bahagian Sekretariat ANGKASA Pusat diterajui Dr. Azlan sebagai Pegerusi Bahagian dan Hj. Anuar Bulin, Pengurus Besar yang mengambil inisiatif menganjurkan 'refresh course' ini. Ini penting untuk

kita memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing bagi melancarkan tadbir urus pusat dan negeri, penyelarasan program-program, khususnya projek-projek perniagaan dijalankan di peringkat negeri, pengurusan kewangan dan KPI.

4. Saya percaya, sepanjang kursus hari ini, pembentang-pembentang dari bahagian-bahagian terbabit akan menyampaikan input-input terkini dan sewajarnya, untuk tindakan dan perhatian negeri-negeri. Saya mengharapkan usaha ini akan

dapat memperkasakan lagi JPAN sebagai 'frontliner' dan duta ANGKASA di peringkat negeri.

Hadirin yang dihormati sekalian

5. ANGKASA Pusat dan ANGKASA Negeri sebagai “aur dengan tebing”

sambil lengkap melengkapi dan sokong menyokong antara satu sama lain. Kekuatan ANGKASA pusat sangat bergantung kepada ANGKASA negeri. Sokongan ANGKASA Negeri diperlukan untuk kestabilan dan kejayaan program-program dan projek-projek

dijalankan ANGKASA untuk gerakan koperasi.

6. Ini kerana, ANGKASA Negeri paling dekat dengan koperasi-koperasi di peringkat negeri dan lebih memahami keperluan mereka. Dengan kata lain, ANGKASA Negeri

lebih mengetahui kekuatan dan kelemahan koperasi-koperasi di peringkat negeri masing-masing.

7. Justeru melalui ANGKASA Negeri saya mengharapkan penyampaian perkhidmatan ANGKASA pada tahun ini dan akan

datang akan dapat dipertingkatkan, lebih cekap dan berkesan. Ini amat penting dalam menjaga reputasi dan kestabilan ANGKASA.

8. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi

penghargaan dan terima kasih kepada pucuk pimpinan JPAN negeri, anggota-anggota jawatankuasa ANGKASA Negeri, pengurusan dan kakitangan ANGKASA negeri yang dapat hadir ke kursus ini. Marilah kita “bekerja bersama-sama demi manfaat

bersama” menjulang aspirasi
koperasi meletakkan gerakan
koperasi dan ANGKASA sebagai
penyumbang berkesan kepada
sosioekonomi negara.

Sekian, wabillahi tawfiq wal hidayah
Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.